**AmG Insurance Berhad** *(803512-W)*
*Penanggung insurans berlesen. Ahli Kumpulan AmBank.*

**Ibu Pejabat:** 9th Floor, Bangunan AmAssurance, No.1, Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.
**Alamat Pos:** GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur, Malaysia.
**Talian Umum:** +603 4047 8000 Talian Faks Umum: +603 4043 8680
**Laman Web:** https://www.amassurance.com.my

AmAssurance
Utamakan Khidmat. *Janji Kami.*

**Pusat Khidmat Pelanggan**

Tel Hubungi **1 300 80 3030** pada kadar tempatan | Faks +603 2171 3030 | Emel amassurance-general@ambankgroup.com | SMS Taip **AmG<jarak>mesej** Hantar ke 33911(AmAlert)

# LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Polisi Liabiliti Awam

**NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Liabiliti Awam ini. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.**

## 1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi anda daripada tuntutan perundangan yang dibuat oleh pihak ketiga berhubung dengan perniagaan anda di dalam bidang kewilayahan polisi ini.

## 2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?

Polisi ini melindungi anda terhadap semua jumlah yang anda perlu tanggung dari segi undang-undang untuk bayaran pampasan berhubung dengan: -

(i) kecederaan tubuh badan tak disengajakan ke atas pihak ketiga (termasuk penyakit), dan
(ii) kerosakan tak disengajakan kepada harta pihak ketiga

yang berlaku di dalam had kewilayahan ketika tempoh ganti rugi akibat daripada kemalangan dan timbul daripada tindakan-tindakan cuai anda atau pekerja anda sehingga ke had ganti rugi setiap kejadian.

Selain itu, polisi juga meliputi: -

(iii) kesemua kos dan perbelanjaan litigasi yang ditebus daripada anda oleh sesiapa yang menuntut dan
(iv) kesemua perbelanjaan litigasi yang ditanggung dengan keizinan bertulis daripada Syarikat berhubung dengan tuntutan terhadap anda bagi pampasan yang mana ganti rugi yang dinyatakan di dalam Polisi ini diguna pakai.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi ini setiap tahun (dengan pengecualian kepada risiko berkaitan projek).

## 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza mengikut bentuk perniagaan anda dan keperluan penajajaminan kami.

| | | |
|---|---|---|
| Had Ganti Rugi | : | RM ____________________ |
| Kadar | : | ____________________ % |
| Premium Perlu Dibayar | : | RM ____________________ |

## 4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Cukai Perkhidmatan 5% daripada Premium
- Duti Setem RM10.00 untuk mengesahkan kontrak
- Komisen ejen sebanyak 25% adalah termasuk di dalam polisi anda apabila melibatkan seorang pengantara

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

**Kepentingan membuat Pendedahan**
- Anda perlu mendedahkan kesemua fakta material yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda boleh menjadi tidah sah.
- Anda harus memastikan yang borang cadangan dilengkapkan dengan tepat kerana ianya merupakan asas kepada kontrak insurans.

**Tiada Pengakuan Liabiliti**
Anda tidak harus mengaku liabiliti, menawarkan janji atau bayaran kepada yang menuntut tanpa kebenaran bertulis dari kami. Jika berlaku sebuah tuntutan atau kejadian yang berpotensi mencetuskan sebuah tuntutan, anda harus memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta.

**Jaminan Premium**

- Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh penginsurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya polisi ini/pengesahan/sijil pembaharuan.
- Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan AmG berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko.

Nota : Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi bagi terma dan syarat-syarat yang terkandung di bawah polisi ini.

**6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi yang berikut:

a) Liabiliti berhubung dengan kecederaan tubuh badan kepada sesiapa di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan

b) Kerugian/kerosakan kepada harta yang dimiliki oleh atau di bawah jagaan, peliharaan dan/atau kawalan anda atau sesiapa yang digaji oleh atau bekerja untuk anda

c) Kerugian kewangan tulen seperti kerugian muhibah atau bahagian pasaran

d) Sebarang pemulihan profesional atau nasihat atau perkhidmatan atau rawatan lain yang anda berikan, tadbirkan atau tinggalkan

e) Liabiliti kontraktual

f) Denda, penalti, ganti rugi membebankan dan ganti rugi teladan yang diputuskan oleh mahkamah perundangan

g) Asbestos

*Nota:*

*Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda berhak ke atas bayaran balik premium berdasarkan pro-rata untuk tempoh ganti rugi belum tamat, tertakluk kepada premium minimum yang akan kami simpan. Tiada bayaran balik premium dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

**9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**AmG Insurance Berhad**
Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

**Pusat Perkhidmatan Pelanggan**
Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030
E-Mel: amassurance-general@ambankgroup.com
Laman web: https://www.amassurance.com.my

**10. Lain-lain perlindungan sejenis yang ada**

Tiada.

**NOTA PENTING:**
**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**